

TEKS UCAPAN

YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH

KETUA PENGARAH

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PADA

20 MEI 2016 (JUMAAT)

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

YANG BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

YBHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

YBERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN
ASSALAMUALAIKUM WBT.

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan Mei 2016 ini.

HARI PEKERJA TAHUN 2016

1. Sememangnya, Penjawat Awam adalah tiang seri negara, terutamanya dalam membantu Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.
2. Makanya, penjawat awam juga seharusnya menerima realiti bahawa hambatan masa dan kehendak zaman berubah dengan cepatnya di kala kita meneruskan kehidupan. Era zaman kerajaan mengetahui segalanya sudah berlalu dan di era pertembungan idea diraikan ini memaksa penjawat awam bergerak dalam titik tolak yang penuh mencabar tidak dilalui oleh mereka sebelum ini.
3. Harapan rakyat hanya peningkatan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Oleh yang demikian, pada era yang ditentukan oleh kepantasan media massa, penjawat awam semestinya memerlukan ciri-ciri sendiri yang berbeza, selari dengan kehendak masa dan zaman masa kini. Sebagai tiang seri negara, penjawat awam mesti dilengkapi dengan ilmu, kemahiran dan kebolehan tertentu yang bertunjangan kepada lima prinsip/kriteria tiang seri negara iaitu; Berilmu, Kebolehpercayaan, Budaya Amalan Kerja Terbaik,

Semangat Patriotik dan Budaya Keberhasilan Yang Berteraskan '*Outcome Based*'.

4. Jika kelima-lima kriteria tiang seri negara tersebut diamalkan, maka tidak timbullah isu-isu seperti ketirisan perolehan Kerajaan, rasuah dan salah guna kuasa. Penjawat awam juga boleh menjadi benteng hadapan dalam menangkis dan memperbetulkan tohmahan-tohmahan yang dilemparkan oleh sesetengah pihak yang cuba untuk memburuk-burukkan kerajaan.

PEMBUKAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT ALOR PONGSU LEBUHRAYA UTARA-SELATAN (PLUS)

5. Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu adalah antara persimpangan yang perlu dibina oleh syarikat konsesi Lebuhraya Utara-Selatan. Keperluan untuk membina persimpangan ini telah dinyatakan dalam Perjanjian Konsesi Tambahan Pertama yang telah ditandatangani pada tahun 1999. Lokasi pembinaan persimpangan ini telah pun dikenal pasti pada tahun 1988 dan sebahagian proses pengambilan balik tanah telah pun dilaksanakan ketika itu.

6. Untuk makluman sidang hadirin sekalian, kos pembinaan persimpangan bertingkat ini adalah sebanyak RM101.33 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh syarikat konsesi Lebuhraya Utara-Selatan. Manakala, kos pengambilan balik tanah sebanyak RM5 juta pula ditanggung oleh Kerajaan.

7. Sistem kutipan tol di Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu adalah secara kutipan tol tertutup di mana kutipan tol adalah hanya untuk pengguna yang keluar dari Lebuhraya Utara-Selatan melalui persimpangan bertingkat ini.

8. Kerja-kerja pembinaan Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu ini telah dibahagikan kepada dua (2) fasa iaitu Fasa 1 (melibatkan kerja – kerja tanah) dan Fasa 2 (melibatkan pembinaan struktur). Kerja-kerja untuk Fasa 1 telah dimulakan pada 1 Feb 2012 dan telah siap pada 27 September 2015. Manakala, kerja-kerja untuk Fasa 2 telah dimulakan pada 25 Nov 2014 dan siap sepenuhnya pada 15 Mei 2016. Keseluruhan tempoh masa pembinaan telah mengambil masa selama 52 bulan.

9. Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu ini akan menyediakan akses terus dari kawasan Alor Pongsu, Bagan Serai dan Selama untuk memasuki Lebuhraya Utara Selatan. Reka bentuk persimpangan bertingkat ini jenis *trumpet* dan disambungkan ke Jalan Bagan Serai - Selama (FT147). Ia juga dilengkapi dengan Tol Plaza (8 lorong iaitu 4 lorong arah keluar dan 4 arah masuk), bangunan pengawasan dan kemudahan awam termasuk tandas dan surau.

10. Pada masa kini, pengguna Lebuhraya Utara-Selatan dari utara perlu melalui Persimpangan Bandar Baharu di KM175.46 manakala pengguna dari selatan pula perlu melalui Persimpangan Bukit Merah di KM193.80 untuk menuju ke Alor Pongsu serta kawasan sekitarnya. Melalui pembukaan persimpangan bertingkat ini, ianya akan memberikan penjimatan masa perjalanan dari arah Utara dan Selatan ke Alor Pongsu di mana masa perjalanan dapat dijimatkan dari 45 minit kepada 10 minit. Berdasarkan

kajian trafik, dengan pembukaan persimpangan ini, dianggarkan aliran trafik yang akan menggunakan persimpangan bertingkat ini sebagai laluan masuk dan keluar ke Lebuhraya Utara Selatan boleh mencapai sehingga 10,000 kenderaan sehari pada tahun 2016. Selain itu, dengan siapnya projek ini, ia dijangka akan dapat meningkatkan nilai hartanah dan pembangunan ekonomi di kawasan sekitar, terutamanya kawasan Lembah Beriah.

KESETIAN DAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM

11. Sidang hadirin sekalian, dalam konteks politik, Kerajaan yang memerintah atau *government of the day* yang diberi mandat oleh rakyat inilah yang mendasari etika profesionalisme kita sebagai penjawat awam. Sebagai penjawat awam, kita hendaklah sentiasa menjaga nama baik dan imej perkhidmatan.

12. Perlulah diingat bahawa selain kesetiaan, integriti merupakan tunjang kepada kejayaan organisasi. Malangnya, terdapat insiden negatif seperti pembocoran maklumat rasmi yang belum disahkan oleh pihak berwajib hingga menjadi “viral” dalam media social.

13. Tuan-tuan dan puan-puan berkewajiban untuk menjaga kerahsiaan maklumat penting dan memelihara keselamatan negara dan patuhi ikrar perkhidmatan dengan sepenuh integriti dan jangan biarkan kegiatan negatif ini berlaku sehingga menjejaskan imej dan kredibiliti perkhidmatan awam.

KEADAAN CUACA YANG MELANDA NEGARA

14. Pada masa ini, negara kita mengalami keadaan cuaca yang tidak menentu. Kita baru sahaja melepasi episod keadaan cuaca panas yang berpanjangan dan kini kita semua menghadapi episode cuaca rebut petir dan hujan setiap hari. Baru-baru ini, kita telah melihat beberapa kawasan yang terjejas akibat banjir kilat di sekitar jalan persekutuan di ibu kota Kuala Lumpur yang mana telah mengakibatkan puluhan kereta terperangkap dan rosak akibat daripada banjir kilat tersebut.

15. Selain itu, kita juga telah dikejutkan dengan kejadian ribut dan angin kencang yang melanda di kawasan Rehat dan Rawat (RnR) Dengkil. Kejadian itu telah mengakibatkan kerosakan pada bumbung kawasan rehat tersebut. Selain itu, angin kencang yang berlaku di kawasan Lebuh Raya Elite sebelum KM34.5 arah utara dari Nilai menghala Lapangan Terbang KLIA telah mengakibatkan kejadian pokok tumbang dan menyebabkan kesesakan lalu lintas selama 2 jam.

16. Oleh itu, kita sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab dalam pengurusan lebuh raya seharusnya mengambil sikap 'proactive' atau berjaga-jaga untuk mengatasi setiap kemungkinan yang akan berlaku terhadap keadaan lebuh raya demi mengekalkan lebuh raya yang selamat kepada pengguna.

PENUTUP

17. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.